**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

# TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN TERPILIH PERINGKAT PERTAMA

Tender ini terbuka kepada kontraktor yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan:

| BUTIRAN TENDER | SYARAT PENYERTAAN TENDER | TARIKH DAN MASA PENJUALAN DOKUMEN PELAWAAN TENDER | HARGA JUALAN DOKUMEN PELAWAAN TENDER | TARIKH TUTUP TENDER |
|---|---|---|---|---|
| **No. Tender:<br>KKDW.T.PRA-K-TPLH.1/2023**<br><br>**TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN TERPILIH PERINGKAT PERTAMA**<br><br>**Pelawaan adalah berdasarkan kepada kategori seperti berikut:**<br><br>**i. Bangunan (B); dan/atau**<br><br>**ii. Kejuruteraan awam dan Infrastruktur (CE); dan/atau**<br><br>**iii. Mekanikal dan Elektrikal (ME).** | **Petender wajib memenuhi syarat berikut:**<br><br>**i. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G7; dan**<br><br>**ii. - Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), CIDB; atau**<br><br>**- Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA); atau**<br><br>**- Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ);**<br><br>**DAN**<br><br>**iii. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;**<br>**iv. Mempunyai SCORE 3 Bintang ke atas yang masih sah sekurang-kurangnya sehinga 31 Disember 2023; dan**<br>**v. Terbuka kepada kontraktor Bumiputera.**<br><br>***TEMPOH SAH SIJIL HENDAKLAH MELEBIHI 3 BULAN DARI TARIKH TUTUP**<br><br>***KEBENARAN KHAS DAN / ATAU KONTRAKTOR YANG DIGANTUNG PENDAFTARAN OLEH CIDB/UPKJ/PUKONSA TIDAK DITERIMA** | **Tarikh penjualan dokumen pelawaan tender:**<br><br>**Bermula 30 Mei 2023 sehingga 19 Jun 2023**<br><br>**Masa:**<br><br>**Isnin – Khamis:**<br><br>**9.30 pagi – 12.30 tengahari**<br><br>**2.30 petang – 4.00 petang**<br><br>**Jumaat:**<br><br>**9.00 pagi – 11.30 pagi**<br><br>**2.30 petang – 3.30 petang**<br><br>**Tempat:**<br><br>**Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**<br><br>**Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA.** | **i. Harga dokumen pelawaan tender:**<br><br>**RM 50.00**<br><br>***Bayaran secara Kiriman Wang (*Money Order*) / Draf Bank berharga seperti di atas yang dibuat atas nama Akauntan Negara Malaysia – KKDW – T**<br><br>**DAN**<br><br>**ii. Petender hendaklah mengemukakan Bon Tender/Deposit Tender bernilai RM100,000.00 sebagai bentuk jaminan kewangan pada atau sebelum tarikh tutup pelawaan bersama dokumen pelawaan tender.** | **Tarikh Tutup Tender DILANJUTKAN kepada:**<br><br>**19 Jun 2023 (Isnin)**<br><br>**Masa:**<br><br>**12.00 tengahari**<br><br>**Tempat:**<br><br>**Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**<br><br>**Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA.** |

1. Satu syarikat hanya dibenarkan untuk membuat **satu pembelian dokumen pelawaan tender**. Pelawaan hanya akan dibuka seperti tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas. **Penama yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat penyertaan atau wakil syarikat adalah dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan Tender. Sila bawa bersama sijil pendaftaran asal dan salinan serta Surat Wakil Kuasa bagi tujuan semakan pihak urusetia. Hanya petender yang masih dalam tempoh sah laku sijil pendaftaran sahaja yang akan dipertimbangkan kelulusan untuk pembelian dokumen pelawaan tender.**

2. Syarikat yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (*Money Order*) / Draf Bank** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia – KKDW – T** sebagai bayaran Dokumen Pelawaan Tender (Dokumen dijual dalam bentuk *soft copy* melalui kod qr). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

3. Petender hendaklah mengemukakan **Bon Tender** dalam bentuk Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful sahaja seperti format yang dinyatakan di dalam dokumen pelawaan tender **di atas nama dan butiran *Beneficiary Name* - Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya. No. Telefon: 03-8891 5733 / Emel:** nurnadiah@rurallink.gov.my ; **atau**

4. Petender hendaklah mengemukakan **Deposit Tender** di dalam bentuk Draf Bank dalam Ringgit Malaysia daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia **di atas nama Akauntan Negara Malaysia – KKDW – T.** Bayaran secara tunai, cek persendirian atau cek syarikat tidak dibenarkan.

5. Dokumen Pelawaan Tender tidak akan dikeluarkan selepas tamat tempoh tersebut di atas. **Dokumen Pelawaan Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bagi Bon Tender/ Deposit Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berasingan untuk semakan urusetia.** Kedua-dua dokumen tersebut hendaklah dikemukakan ke Kaunter Serahan di alamat:

**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**ARAS 15, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62100 PUTRAJAYA**
**(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**

6. Dokumen Pelawaan Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.